

(17 Mei 2022) - BH, p23

Pelancong mula meriahkan ibu kota

Lokasi, bangunan ikonik jadi pilihan pelawat asing

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ibu negara kembali meriah dengan kehadiran pelancong luar negara dan penduduk tempatan yang bersiar-siar, bersempena dengan cuti Hari Wesak, semalam.

Tinjauan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, mendapati ramai pelancong mengambil peluang untuk bergambar di depan Menara Berkembar PETRONAS.

Negara kini dalam fasa per-

alihan endemik dan kebanyakan sekatan sudah dimansuhkan oleh agensi penguat kuasa.

Olivia, 25, yang berasal daripada England berkata, beliau lega dapat melancong selepas sekatan pergerakan penuh dua tahun di negaranya.

"Saya sangat suka kan Malaysia. Cuma jika saya dapat memahami laluan pengangkutan awam dengan lebih baik, saya akan dapat lebih menikmati pengalaman ini dengan lebih lagi."

"Agak berasa janggal melihat orang ramai masih memakai pelitup muka kerana di England, kami sudah tidak lagi memakai pelitup muka dan sudah

vaksin," katanya.

Lars, 47 dari Sweden yang datang ke Malaysia untuk lawatan kerja berkata, beliau gembira dapat berada di negara ini.

"Walaupun saya baru tiba, saya sangat suka cuaca di sini. Di negara saya, cuacanya sangat sejuk dan kami perlu berpakaian tebal sepanjang masa," katanya.

Hitesh Gala, 51, pula berkata Malaysia cantik dan tiada pencemaran bunyi.

"Saya sudah berada di sini selama tiga hari dan saya belum pernah mendengar sebarang bunyi hon. Kerjasama di antara pemandu di sini juga sangat baik," katanya.




Hitesh Gala



Lokasi di Putrajaya tetap jadi pilihan.

(Foto BERNAMA)



Galeri Kuala Lumpur di Dataran Merdeka terus jadi tumpuan.



Pelancong dari India merakamkan lawatan di Tugu Negara.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)